KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	66 usahawan luar bandar berjaya naik taraf perniagaan, 128 tembusi pasaran antarabangsa
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n9bstda



KUALA LUMPUR: Seramai 66 usahawan luar bandar berjaya meningkatkan skala perniagaan daripada kategori mikro kepada kecil menerusi program di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kejayaan itu melibatkan 54 usahawan menerusi Program Rural Business Challenge (RBC) dan 12 usahawan melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED). Khidmat Bisnes

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Rabu bagi menjawab soalan Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah) mengenai jumlah usahawan luar bandar yang berjaya meningkatkan skala perniagaan melalui program kementerian serta langkah membantu mereka menembusi pasaran nasional dan eksport.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH


KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Sasaran lahir 125,000 Huffaz profesional menjelang 2050 boleh dicapai - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdcwhfcs

MALAYSIA

Sasaran lahir 125,000 huffaz profesional menjelang 2050 boleh dicapai - Ahmad Zahid

Bernama
24/10/2026 | 20:30 MYT



Ahmad Zahid (tiga,kiri) bergambar kenangan bersama penerima Anugerah Tokoh Ulul Albab 2026 Afiq Iskandar Mohd Zaki (empat,kanan) pada Majlis Graduasi Huffaz Dan Apresiasi Kecemerlangan Ulul Albab di sebuah hotel dekat Jalan Hang Tuah, hari ini. - Gambar Bernama

MELAKA: Kerajaan yakin mampu melahirkan 125,000 huffaz profesional menjelang 2050 menerusi peluasan akses institusi pengajian tinggi teknikal, pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta integrasi ilmu al-Quran dengan bidang profesional dan teknologi tinggi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata sasaran itu merupakan kesinambungan Program Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi membangunkan generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam hafazan al-Quran, malah berkeupayaan menyumbang dalam pelbagai sektor strategik negara.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	KKDW perkasa kefahaman AI dan kesihatan mental
PAUTAN	https://tinyurl.com/3pzvv9km

BM TECH

KKDW Perkasa Kefahaman AI dan Kesihatan Mental

By Shafinaz — On Oct 23, 2026 — 155 — 0



Gambar: Facebook Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Estimate Reading Time: < 1 minute

PUTRAJAYA 23 OKTOBER 2026 (The Capital Post) – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menganjurkan simposium bertemakan "Why AI? Why Not You: AI Menjawab, Insan Memahami" bagi meningkatkan pemahaman mengenai kesan kecerdasan buatan (AI) terhadap kesejahteraan psikologi serta kesiapsiagaan warga kerja menghadapi perubahan teknologi.

Simposium yang berlangsung di Dewan Sri Lestari, KKDW itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KKDW, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad. Program berkenaan dianjurkan oleh Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, dengan penyertaan seramai 200 ahli AKRAB daripada kementerian, jabatan dan agensi berkaitan. Cari Agensi Awam

Penganjuran simposium ini memberi ruang kepada peserta untuk memahami dengan lebih mendalam hubungan antara perkembangan teknologi AI, kesihatan mental dan kesejahteraan emosi, khususnya dalam menghadapi perubahan cara kerja serta cabaran kehidupan pada era digital.

Menerusi sesi Bicara Psikologi bersama penceramah jemputan, peserta didedahkan kepada pelbagai isu berkaitan kesihatan mental, cabaran emosi ketika beradaptasi dengan teknologi AI serta hubungan antara pemikiran manusia, teknologi dan nilai kemanusiaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	Ekspo TVET@KKDW 2026 bermula di Sabak Bernam
PAUTAN	https://tinyurl.com/5a79zhxe

Ekspo TVET@KKDW 2026 Bermula di Sabak Bernam

By Shafinaz — On Oct 24, 2026 — 148 — 0



Gambar: Facebook Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Estimate Reading Time: < 1 minute

4 Shares

SABAK BERNAM 24 OKTOBER 2026 (The Capital Post) – Ekspo TVET@KKDW 2026 membuka tirainya hari ini di Pekarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor, dengan pelbagai pengisian menarik bagi mengetengahkan peluang pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) kepada masyarakat. Rujukan Geografi

Antara tarikan utama ialah reruai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Zon A yang menampilkan pelbagai aktiviti interaktif dan demonstrasi kemahiran untuk pengunjung.

Reruai berkenaan mengetengahkan demonstrasi daripada Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor (PLJPB), selain aktiviti anyaman, persembahan tarian sewang, kuiz serta pelbagai pengisian lain yang memperkenalkan kemahiran dan warisan budaya masyarakat Orang Asli.

Penganjuran ekspo ini menyediakan platform kepada orang ramai untuk mendapatkan pendedahan mengenai bidang TVET, meneroka peluang latihan kemahiran serta mengenali pelbagai program yang ditawarkan oleh agensi berkaitan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	JAKOA dan JKPTG perkukuh kerjasama di OAOSC Bawong
PAUTAN	https://tinyurl.com/59h7zvwb

JAKOA Dan JKPTG Perkukuh Kerjasama Di OAOSC Bawong

By Shafinaz — On Oct 24, 2026 — 167 — 0



Gambar: Facebook Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Estimate Reading Time: < 1 minute

3 Shares

BAWONG 24 OKTOBER 2026 (The Capital Post) – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengadakan sesi libat urus bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di OAOSC Bawong pada 21 Oktober 2026 bagi memperincikan urusan penawaran premis kepada pihak JAKOA, khususnya di pusat berkenaan. Pilih Kalendar

Sesi tersebut bertujuan menyampaikan taklimat terperinci serta menyelaras urusan berkaitan penawaran premis demi memastikan pengurusan dan pelaksanaan urusan berkenaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

Program libat urus itu turut menjadi platform untuk memperkukuh kerjasama antara JAKOA dan JKPTG dalam membincangkan perkara berkaitan pengurusan premis serta keperluan operasi di OAOSC Bawong.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	Lebih 500 permohonan baik pulih rumah di Sarawak tertangguh
PAUTAN	https://tinyurl.com/yh7nnrf5



TERIMA KASIH... Rubiah beramah mesra dengan penerima bantuan Program Perumahan Rakyat Sejahtera. | FOTO: MOHD ALIF NONI

Kos RM85,000 sebuah rumah PPRS masih tidak mencukupi – Rubiah

Rusnan Mustafa 1 hour lepas SARAWAK, UTAMA 1 hour lepas

Facebook Twitter LinkedIn WhatsApp Telegram

JOM BACA E-PAPER SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE PERCUMA SEAWAL 2 PAGI SETIAP HARI. KLIK SINI Rujukan Geografi

ASAJAYA: Peningkatan kos bahan binaan menyukarkan pelaksanaan program perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, kata Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang.

Beliau menjelaskan kos pembinaan sebuah rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang dinaikkan daripada RM78,000 hingga RM79,000 kepada RM85,000 masih belum mencukupi susulan kenaikan harga bahan binaan dan kos pelaksanaan.

"Kementerian berusaha meningkatkan kos pembinaan berkenaan, namun perkara itu masih belum dapat direalisasikan ketika ini.

"Kenaikan harga minyak susulan perkembangan konflik antarabangsa turut memberi kesan kepada kos pengangkutan dan harga bahan binaan, sekali gus menambah tekanan kepada kontraktor.

"Namun saya ingin merakamkan penghargaan kepada kontraktor yang terus melaksanakan projek perumahan berkenaan walaupun berdepan kekangan kos dan berharap semua projek dapat disiapkan mengikut jadual tanpa menjejaskan kualiti," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Penjenamaan PPRS buang stigma kemiskinan
PAUTAN	https://tinyurl.com/42m9a2n2



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang bersama penerima PPRS, Bong Kin Fao. Foto TVS

By TVS **#bm, Berita Sarawak October 23, 2026 12:29 PM**

ASAJAYA, 23 Okt: Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) sejak tahun lalu bagi mengangkat martabat penerima bantuan dalam kalangan golongan kurang berkemampuan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, penjenamaan semula itu bertujuan mengubah persepsi terhadap penerima bantuan perumahan supaya mereka tidak terus dikaitkan dengan label kemiskinan, sebaliknya diberi ruang menikmati kehidupan lebih baik dan sejahtera.

Menurutnya, bantuan perumahan bukan sekadar menyediakan kediaman yang selesa, malah membantu penerima memberi tumpuan kepada aspek lain, termasuk pendidikan dan pembangunan ekonomi keluarga.

"Kalau dahulu disebut sebagai program rumah orang miskin, tetapi kini, KKDW tidak mahu menyebut nama projek itu sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin. Sebabnya, kita tidak mahu projek itu merendahkan pemilik, mengecilkan pemilik (rumah).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	TVET Open Pathways to High-Paying Careers and Entrepreneurship for Youth
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wbr86sv

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	More opportunities: TVET opens pathways to high-paying careers and entrepreneurship for youth
PAUTAN	https://tinyurl.com/49k6ccdk

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Perancangan pembangunan desa: Pemimpin akar umbi diseru kuasai kemahiran digital
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc6fbw7m

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Potensi Huffaz terajui negara, masyarakat diingatkan jangan pandang rendah pendidikan tahfiz
PAUTAN	https://tinyurl.com/yzbn38xm

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Sasaran lahir 125,000 Huffaz profesional menjelang 2050 boleh dicapai
PAUTAN	https://tinyurl.com/ysyy8uau

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Govt targets 125,000 professionals by 2050 - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/2dzjffan

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Ekspo TVET@KKDW 2026 di Sabak Bernam
PAUTAN	https://tinyurl.com/2dumywhx

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	242 pelajar MARA di perancis selamat
PAUTAN	https://tinyurl.com/mscrurjj

Nasional

242 pelajar Mara di Perancis selamat

Pengajian berjalan seperti biasa, pemantauan dipertingkat

Oleh MUHAMMAD NABIL ALMA AZMAN

SHAH ALAM – Seramai 242 pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di Perancis dilaporkan berada dalam keadaan selamat susulan rusuhan yang berlaku sejak 18 Oktober lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Mara, Zahari Aziz berkata, pihaknya sentiasa memantau keadaan menerusi laporan wakil pelajar di universiti masing-masing.

Menurutnya, kesemua pelajar berada dalam keadaan selamat dan dilaporkan tidak terlibat dalam rusuhan tersebut.

"Aktiviti pengajian juga berjalan seperti biasa. Di kawasan yang mengalami gangguan pengangkutan awam, pihak universiti mengambil langkah sewajarnya dengan melaksanakan sesi pengajian secara dalam talian," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.



ZAHARI

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Perdana Menteri Perancis, Sebastien Lecornu berikrar mempertingkatkan kawalan keselamatan dengan mengerahkan pasukan keselamatan berskala besar bagi menghadapi demonstrasi baharu yang dirancang pada hujung minggu ini.

Langkah itu dibuat susulan peningkatan kritikan di Parlimen terhadap kelemahan pihak berkuasa dalam menangani rusuhan ganas yang disifatkan sebagai yang terburuk pernah melanda negara dengan ekonomi kedua terbesar di zon Euro tersebut.

Mengulas lanjut, Zahari menjelaskan Mara melalui Pejabat Mara Luar Negara Frankfurt juga sentiasa berhubung dengan pelajar bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai keadaan mereka.

Menurut beliau, pelajar diingatkan supaya sentiasa berhati-hati dan menjauhi kawasan demonstrasi sepanjang tempoh rusuhan berlaku.



FOTO: AFP

Keadaan di Marseille antara kawasan terjejas susulan rusuhan sejak 18 Oktober lalu.

Beliau memaklumkan Mara akan terus memantau perkembangan situasi dari semasa ke semasa selain berhubung dengan pelajar dan pihak berkaitan bagi memastikan urusan pengajian dapat diteruskan dengan baik.

Keselamatan dan kebajikan pelajar tajaan Mara juga kekal menjadi keutamaan sepanjang mereka berada di Perancis.

"Mereka juga diingatkan supaya mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan serta Kedutaan Besar Malaysia di Paris," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Peluasan akses TVET pacu 125,000 Huffaz profesional
PAUTAN	https://tinyurl.com/4xffwye8

Peluasan akses TVET pacu 125,000 huffaz profesional

Melaka: Kerajaan yakin mampu melahirkan 125,000 huffaz profesional menjelang 2050 menerusi peluasan akses institusi pengajian tinggi teknikal, pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta integrasi ilmu al-Quran dengan bidang profesional dan teknologi tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sasaran itu adalah kesinambungan Program Transformasi Nasional 2050 (TN50) membangunkan generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam hafazan al-Quran, malah berkeupayaan menyumbang dalam sektor strategik negara.

Beliau berkata, kira-kira 12,500 huffaz profesional dilahirkan setakat ini, manakala mulai 2027 hingga 2050, peluang melanjutkan pengajian akan diperluas kepada pelajar tahfiz dan sekolah pondok di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) serta enam Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

"Kita yakin dengan penghantaran pelajar tahfiz dan pelajar sekolah pondok yang menghafaz al-Quran ke UniKL dan enam MTUN, kita boleh capai sasaran melahirkan 125,000 huffaz profesional menjelang 2050," katanya selepas Majlis Graduasi Huffaz 42 pelajar Imtiaz Masjid Tanah dan Apresiasi Kecemerlangan Ulul Albab di sini, semalam.

Beliau berkata, laluan pendidikan tinggi teknikal dan profesional lebih tersusun membolehkan golongan huffaz memperoleh kemahiran khusus dan kelayakan profesional, sekali gus memenuhi keperluan tenaga kerja negara pada masa depan.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata, pelajar tahfiz perlu ada laluan pendidikan jelas daripada peringkat awal persekolahan sehingga institusi pengajian tinggi, TVET dan kerjaya profesional supaya dapat memilih bidang berdasar potensi.

0

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 - 25 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Peluasan akses TVET pacu 125,000 Huffaz profesional
PAUTAN	https://tinyurl.com/4xffwye8

Zahid: Govt sets target of 125,000 professional huffaz

MELAKA: Malaysia aims to produce 125,000 professional huffaz (Quran memorisers) by 2050 by integrating Quranic education with TVET, higher education and advanced technology skills, according to Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (*pic*).

The Deputy Prime Minister said the target is in line with the National Transformation Programme 2050 (TN50) vision of producing huffaz who are proficient in Quranic memorisation and equipped to contribute to the country's key sectors.

According to Ahmad Zahid, about 12,500 professional huffaz had been produced so far, while opportunities for tahfiz and pondok school students to pursue higher education at Universiti Kuala Lumpur (UniKL) and six universities under the Malaysian Technical Universities Network (MTUN) would be expanded from 2027.

"We are confident that by providing tahfiz and pondok school students who have memorised the Quran with access to UniKL and the six MTUN universities, we can achieve the target of producing 125,000 professional huffaz by 2050," he said after attending a programme here yesterday.



He said clearer pathways into technical and professional higher education would enable huffaz to acquire specialised skills and professional qualifications to meet the country's future workforce needs.

Earlier, Ahmad Zahid, who is also National TVET Council chairman, said tahfiz students should have clear educational pathways from school to higher education, TVET and professional careers, allowing them to pursue fields suited to their interests and abilities.

"We do not want tahfiz students to feel that they have only one path in life. Their mastery of the Quran can instead serve as a foundation for pursuing various fields according to their interests and abilities," he said, Bernama reported.

Ahmad Zahid also encouraged tahfiz students to explore artificial intelligence, robotics, the digital economy and advanced technology, not merely as users but also as creators capable of developing solutions to real-world problems.

He also expressed his aspiration for Malaysia to one day have a prime minister who is an al-Hafiz or al-Hafizah and possesses the knowledge, integrity and ability to govern the country.